

Dunia abai Palestin

Oleh AHMAD FADHLULLAH
ADNAN

fadhllullah.adnan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Tindakan Israel yang berterusan melakukan serangan udara dan darat lebih 40 hari ke atas Semenanjung Gaza membuktikan dunia sedang mengabaikan nilai kemanusiaan dan tanggungjawab moral kepada rakyat Palestin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, krisis kemanusiaan di Palestin tersebut memberi kesan bukan sahaja kepada rakyat Palestin atau rantau Timur Tengah secara meluas, tetapi juga kepada hubungan global untuk satu



Perdana Menteri
suarakan krisis
kemanusiaan
di Gaza pada
dialog tidak
rasmi APEC
di San Francisco

tempoh yang panjang.

"Saya tegaskan apa yang berlaku di Gaza jelas menyerlahkan kegilaan meniadakan tanggungjawab moral yang membenarkan kemusnahan besar-besaran berlaku seterusnya mengakibatkan malapetaka iklim," kata beliau menerusi catatan di Facebook semalam.

Perkara tersebut disuarakan Anwar pada Majlis Dialog Tidak Rasmi dan Makan Tengah Hari Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di San Francisco, Amerika Syarikat (AS) kelmarin.

Sesi yang berlangsung di Moscone Centre itu di-

pengerusikan Presiden AS Joe Biden dengan dihadiri oleh semua pemimpin APEC.

Sejak kehadiran Perdana Menteri di San Francisco, beliau membangkitkan isu krisis kemanusiaan di Palestin secara konsisten.

Sehingga ini, jumlah korban akibat serangan rejim Zionis ke atas Semenanjung Gaza sejak 7 Oktober lalu meningkat kepada 11,500 orang, termasuk 4,710 kanak-kanak dan 3,160 wanita selain 200 kakitangan perubatan, 22 anggota pertahanan awam serta 51 wartawan.

Bersambung di muka 3